

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OGOS 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Belalai air PD	Harian Metro
2.	Cuaca diramal lebih lembap hujung minggu ini – Jabatan Meteorologi	BERNAMA
3.	Angin kencang barat daya dijangka berterusan sehingga Sabtu	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 9 OGOS 2014 (SABTU)**

Belalai air PD


Port Dickson: Fenomena angin puting beliung kecil di permukaan laut atau dikenali sebagai belalai air yang berlaku di perairan Pantai Batu 2, di sini, semalam, bukan saja menggemparkan penduduk bandar ini, malah turut menjelaskan aktiviti nelayan setempat.

Beberapa penduduk ditemui mengakui terkejut menyaksikan fenomena itu pada jam 9.30 pagi, namun bersyukur kerana ia hanya berlaku di kawasan laut.

Begitupun, beberapa nelayan setempat mengeluh kerana kebanyakan mereka yang sedang melabuhkan pukat di tengah laut terpaksa berpatah balik kerana bimbang dipukul ribut.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Nelayan Port Dickson Mohd Nor Sulaiman, 30, berkata, ketika kejadian dia dan bapa saudaranya, Awaludin Buyung, 53, sedang menunggu hasil tangkapan laut berhampiran Pulau Arang satu batu nautika dari Pangkalan Nelayan Port Dickson, di sini, sejak jam 7 pagi.

Katanya, tiba-tiba satu pusaran angin berlaku di permukaan laut dan menghasilkan puting beliung selebar 4.6 meter tidak jauh dari mereka menyebabkan kedua-duanya terpaksa bergegas pulang ke pang-



KEJADIAN puting beliung yang sempat dirakam berhampiran Pantai Batu 2, Port Dickson, semalam.

kalan kerana bimbang menjadi mangsa.

"Kami terkejut dan segera berkemas untuk pulang. Walaupun terkilan tidak dapat mencari rezeki hari ini (semalam), namun bersyukur kerana selamat pulang ke jeti. Biasanya kami dapat hampir RM200 sehari melalui jualan hasil laut," katanya yang sudah menjadi

nelayan selama 15 tahun.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia Alwi Bahari berkata, puting beliung kecil itu akan berlaku jika ada ribut petir.

Katanya, fenomena pusaran angin yang terbentuk di permukaan air sering berlaku di kawasan iklim tropika.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 9 OGOS 2014 (SABTU)



Cuaca Diramal Lebih Lembap Hujung Minggu Ini - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Cuaca kering yang sedang melanda negara sehingga menyebabkan kekurangan air di beberapa empangan dijangka terkawal berikutan cuaca diramal lebih lembap penghujung minggu ini.

Timbalan Ketua Pengarah Iklim dan Cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari berkata taburan hujan sudah mulai meningkat kerana hujan diramal kerap turun, namun cuaca kering masih berlaku ekoran perubahan cuaca hasil tiupan angin taufan.

"Bulan Ogos masih menunjukkan keadaan cuaca yang kering, namun menjelang bulan September, cuaca mulai lembap kerana bermulanya musim tengkujuh," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata walaupun taburan hujan dijangka meningkat, namun kerja-kerja pemberian awan tetap akan diteruskan bagi membantu meningkatkan peratusan bekalan air mentah di kawasan tadahan.

Mengenai fenomena El-Nino yang dijangka melanda Malaysia penghujung tahun ini, beliau berkata data terkini menunjukkan petanda fenomena yang semakin lemah.

"Petanda untuk dilanda El-Nino kini hanya pada tahap 50 peratus kerana taburan hujan semakin meningkat dan andai El-Nino melanda pun hanya pada tahap lemah," kata Alui.

Sementara itu Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) S Piarapakaran berkata walaupun kadar taburan hujan semakin meningkat, namun langkah melaksanakan catuan air masih wajar dan perlu disegerakan kerana paras empangan air Selangor masih berada pada tahap yang rendah.

"Paras air di Sungai Selangor mencatatkan bacaan 31.9 peratus pada hari ini sementara paras empangan air yang selamat menurut Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah 55 peratus," katanya.

"Risiko kekurangan taburan hujan masih ada dan paras empangan Sungai Selangor perlu dinaikkan ke paras yang selamat untuk mengelakkan krisis air yang lebih teruk," tambahnya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 9 OGOS 2014 (SABTU)



Angin Kencang Barat Daya Dijangka Berterusan Sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Angin kencang Barat Daya yang berlaku di kawasan perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan dengan kelajuan 40-50 kmsj dijangka berterusan sehingga Sabtu ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, keadaan angin kencang dan laut bergelora ini boleh menyebabkan ombak setinggi 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Selat Melaka Selatan, Bunguran dan Reef South pula dijangka berterusan sehingga awal petang hari ini.

Menurut kenyataan itu, keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter yang berbahaya kepada bot-bot kecil.

Sementara itu, aktiviti ribut petir di perairan Sarawak (Miri, Bintulu, Mukah, Rejang dan Kuching), Selangor dan Negeri Sembilan dijangka berterusan sehingga awal petang Jumaat.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA